

e-Dinamik

MAJALAH DIGITAL AKADEMIa UiTM CAWANGAN JOHOR

eISSN: 2682-7832



EDISI KETUJUH 2025



اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَنَالُوا لَوْ كُنَّ مِثْرًا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



PEPERIKHTOR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam UiTM Dihatiku.

Segala puji bagi Allah SVVT kerana dengan izin-Nya, Majalah Digital Akademia UiTM Cawangan Johor, e-DINAMIK Edisi 2025 dapat diterbitkan dengan jayanya. Syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh sidang editorial atas komitmen, ketekunan, dan dedikasi dalam memastikan penerbitan ini terus menjadi wadah intelektual yang bermakna.



Penerbitan e-DINAMIK bukan sahaja berfungsi sebagai medium dokumentasi hasil penulisan ilmiah, kreatif dan penyelidikan, malah menjadi platform penting bagi warga akademia untuk menyalurkan idea, pandangan, dan dapatan kajian dalam pelbagai bidang. Edisi kali ini tampil lebih segar dengan isu-isu semasa yang menyentuh pelbagai aspek global yang kian kompleks.

Saya percaya usaha ini mampu memperkukuh budaya penulisan akademik dalam kalangan pensyarah serta menyemarakkan amalan perkongsian ilmu merentasi sempadan disiplin. Melalui inisiatif ini juga, diharapkan lebih ramai pensyarah dan penyelidik dapat melangkah ke tahap yang lebih tinggi dalam menghasilkan penerbitan berimpak serta berindeks antarabangsa.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Jaringan Industri) bersama pasukan editorial yang sentiasa konsisten memastikan kesinambungan penerbitan e-DINAMIK dari tahun ke tahun. Semoga majalah ini terus menjadi sumber inspirasi, rujukan dan motivasi kepada seluruh warga UiTM serta pembaca di luar sana.


Akhir kata, saya berharap e-DINAMIK 2025 ini akan terus menjadi medan ilmu yang dinanti-nantikan setiap tahun. Semoga segala usaha ini diberkati dan memberi manfaat buat semua.

Sekian, terima kasih.

PROFESOR MADYA DR. SAUNAH ZAINON

Menjalankan Fungsi Rektor
UiTM Cawangan Johor

e-Dinamik



MAJALAH DIGITAL AKADEmia UiTM CAWANGAN JOHOR

MAJALAH DIGITAL AKADEmia UiTM CAWANGAN JOHOR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya, penerbitan Majalah Digital Akademia UiTM Cawangan Johor, e-DINAMIK Edisi 2025 dapat direalisasikan.



Saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Saunah Zainon, Rektor UiTM Cawangan Johor, atas sokongan dan dorongan yang berterusan dalam memperkasakan budaya penulisan serta penerbitan akademik di UiTM Cawangan Johor. Sesungguhnya, e-DINAMIK telah menjadi wahana penting untuk menyalurkan idea, mengasah bakat serta mendokumentasikan pelbagai bentuk penulisan merangkumi karya, kreatif, laporan aktiviti dan isu semasa yang berkaitan dengan warga akademia.

Lebih daripada sekadar sebuah majalah digital, e-DINAMIK merupakan cerminan kecemerlangan akademik UiTM Cawangan Johor, selain membuka ruang yang lebih luas untuk mengetengahkan pencapaian, keterlibatan komuniti, serta perkembangan fakulti dan jabatan di Kampus Segamat dan Kampus Pasir Gudang. Saya percaya usaha ini juga dapat meningkatkan visibiliti universiti di persada negara mahupun antarabangsa.


Penerbitan ini tidak akan berjaya tanpa komitmen padu sidang editorial serta sumbangan para penulis yang dengan ikhlas berkongsi masa, tenaga, dan ilmu demi menjayakan hasrat murni ini. Saya amat berharap inisiatif sebegini dapat menyemarakkan lagi minat warga akademia untuk terus berkarya serta menghasilkan penulisan bermutu tinggi yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Akhir kata, sekalung tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan e-DINAMIK Edisi 2025. Semoga usaha ini berterusan dan menjadi sumber inspirasi kepada semua pembaca.

Sekian, terima kasih.

DR. FARIDAH NAJUNA MISMAN

Timbalan Rektor (Penyelidikan & Jaringan Industri)
UiTM Cawangan Johor



PENAUNG

Profesor Madya Dr. Saunah Zainon

PENASIHAT

Dr. Faridah Najuna Misman

PENYELARAS

Dr. Nur Fatimah Shaari
Dr. Noor Hidayah Ab Aziz

KETUA EDITOR

Aidarohani Samsudin

PENOLONG KETUA EDITOR

Dr. Fatin Farazh Ya'acob

EDITOR AKADEMI PENGAJIAN BAHASA

Zuraidah Sumery
Farhana Idris
Siti Aishah Taib

EDITOR AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI

Munirah Zakaria
Mohamad Zaki Razaly
Dr. Muhammad Fahmi Md Ramzan



SIDANG REDAKSI

EDITOR JABATAN UNDANG-UNDANG

Norintan Wahab
Zuramaznum Sainan

EDITOR FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN


Ainol Mardhiyah Rahmat
Che' Khalilah Mahmood
Dr. Nur Fatihah Shaari
Dr. Suhana Mohamed
Ferri Nasrul
Mohamad Azwan Md Isa
Muharratul Sharifah Shaik Alaudeen
Norfariza Mohd Ali
Rosmah Abd Ghani @ Ismail
Ruziah A. Latif
Siti Noorhaslina Abd Halim
Siti Nordiyana binti Ishak
Zaibedah Zaharum

EDITOR FAKULTI PERAKAUNAN

Ahmad Marzuki Amiruddin Othman
Juyati Mohd Amin
Nuruu Ain Fauzi
Nursia Yuhanis

EDITOR FAKULTI SAINS GUNAAN

Dr. Saiful Najmee Mohamad



EDITOR FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

Azura Abdul Jamil @ Kamarudzzaman
Rohayu Ahmad
Siti Hasma Hajar Mat Zin

EDITOR FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK

Haslenda Yusop
Dr. Nur Syamilah Arifin
Dr. Wan Munirah Wan Mohamad
Noraisyah Abdul Aziz

EDITOR FAKULTI KEJURUTERAAN

Azyan Zafyrah Mohd Zahid
Dr. Wan Nur Fazlina Abdol Jani
Noorashiekin Khalid
Mazni Mat Zin
Nurrul Amilin binti Zainal Abidin
Nurulnatisya binti Ahmad
Ts. Dr. Siti Aminah Nordin
Ts. Muhammad Imran Ismail

REKABENTUK DAN GRAFIK

Shahrul Amir Bin Shaheran
Mohamad Hanif Bin Awaludin



BERSATU PERJUANGKAN KEMERDEKAAN PALESTIN

Muhammad Fahmi Md Ramzan, Mohd Hufeiros Efizi Husain, Sharmin Baba

"Tanah Palestin adalah milik umat Islam. Tidak ada seorang pun yang boleh membiarkan tanah ini dirampas walaupun hanya sejengkal!" (Syeikh Ahmad Yasin rahimahullah).

Pernyataan pengasas Gerakan Hamas ini bukan sahaja menunjukkan ketegasan beliau sebagai seorang mujahid (pejuang) barisan hadapan yang sentiasa gigih dan tidak pernah lelah berjuang mempertahankan tanah Palestin daripada rejim penjajah Zionis-Israel, malah pernyataan tersebut jelas menunjukkan kearifan beliau dalam melihat realiti politik yang wujud.

Pernyataan yang dikemukakan oleh almarhum hakikatnya merupakan pengulangan kembali sekaligus penegasan dari pernyataan yang pernah diungkapkan oleh Sultan Abdul Hamid II, iaitu khalifah ke-34 Empayar Uthmaniyah, yang juga amat memahami status tanah Palestin dalam pandangan Syariah Islam.

Apabila ditelusuri sejarah, suatu ketika dahulu, beberapa elit Yahudi telah bekerjasama dengan negara-negara imperialis, terutamanya British, yang sedaya upaya ingin menempatkan orang-orang Yahudi di Palestin. Mereka berusaha memanfaatkan krisis kewangan yang sedang dialami oleh Empayar Uthmaniyah. Pemuka Yahudi, Theodor Herzl, pada tahun 1901 telah menawarkan bantuan kewangan kepada khalifah sebagai imbalan dan pampasan penempatan mereka. Namun, Sultan Abdul Hamid II menolak dengan tegas tawaran tersebut. Malah beliau dengan lantang dan penuh wibawa menyampaikan pernyataan yang sangat terkenal melalui Perdana Menterinya yang ditujukan kepada Herzl:

"Nasihatilah dia (Herzl), janganlah dia mengambil langkah serius dalam hal ini. Sesungguhnya aku tidak akan melepaskan bumi Palestin meskipun

hanya sejengkal. Tanah Palestin bukanlah milikku, tetapi milik kaum

Muslimin. Selagi aku masih hidup, maka goresan pisau di tubuhku terasa lebih ringan bagi diriku daripada aku menyaksikan Palestin terlepas daripada khilafah. Ini adalah perkara yang tidak boleh terjadi."

Pernyataan Syeikh Ahmad Yasin dan Sultan Abdul Hamid II jelas menunjukkan bahawa betapa pentingnya bagi umat Islam untuk mempertahankan dan mengembalikan tanah Palestin daripada dirampas dan terus dijajah oleh pihak musuh. Setidak-tidaknya, pernyataan tersebut menegaskan beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh umat Islam masa kini:

1. Tanah Palestin (yang dirampas dan diduduki rejim Zionis-Israel sejak tahun 1948) bukanlah tanah milik bangsa Arab, apatah lagi milik kelompok Hamas ataupun Fattah, tetapi mutlak tanah milik kaum Muslimin.

2. Natijahnya, tidak boleh ada seorang pun yang berfikir bahawa tanah Palestin boleh dibahagi dua dengan Zionis-Israel yang telah merampas dan menduduki sebahagian besar wilayahnya hingga kini.

3. Seluruh kaum Muslimin (bukan hanya bangsa Arab, penduduk Palestin, atau pejuang Hamas) berkewajipan untuk mengembalikan tanah tersebut kepada kaum Muslimin.

Natijahnya, usaha memerdekakan Palestin adalah tidak bermakna jika seluruh tanah Palestin (bukan sebahagian) masih gagal dikembalikan kepada kaum Muslimin. Bagaimana mungkin sebuah bangsa yang dijajah, dirampas tanahnya, ditindas, bahkan dibantai dipaksa berbahagi harta dengan pihak penjajah? Lebih-lebih lagi, kemerdekaan yang sesungguhnya bermaksud kebebasan menentukan pilihan atas dasar kerelaan (*self-determination*), bukan atas dasar paksaan. Kemerdekaan yang hakiki bermaksud tidak menggadaikan harga diri dan kehormatan meskipun dengan hanya merelakan sejenkal tanah sebagai tebusan.

